

# **Fenomena Sosial dalam Cerita Rakyat Kanak-Kanak**

Arba'ie Sujud  
Lily Salwani Bt Razali  
Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi

## **Abstrak**

Hubungan sastera dan masyarakat sangat erat. Sastera adalah dokumentasi yang merakamkan kehidupan masyarakat. Hal-hal yang dipaparkan dalam sastera merangkumi peristiwa-peristiwa, aktiviti serta pergelakan yang berlaku dalam lingkungan sosial mereka. Dalam hal ini, cerita rakyat yang diteliti berhasil memaparkan pandangan dan sikap kelompok sosial di samping menggarapkan tentang fenomena yang berlaku dalam masyarakatnya. Selain itu melalui cerita rakyat kanak-kanak, dikesan gambaran kehidupan masyarakat tradisi yang meliputi sosiobudaya dan sistem kepercayaan mereka. Kepelbagaiannya makna di sebalik cerita rakyat yang diteliti, memancarkan pemikiran masyarakat tradisi terhadap sesuatu perkara. Lantaran itu, penelitian terhadap cerita rakyat kanak-kanak ini dapat memaparkan fenomena yang dicetuskan oleh masyarakat tradisi di samping memperlihatkan keperibadian dan kecendekiaan masyarakat Melayu.

**Kata kunci:** sastera kanak-kanak, fenomena sosial, cerita rakyat, tradisi

## **Abstract**

*The relationship between literature and society is very strong. Literature is a documentation that records the life of societies. Matters appeared in literature include events, activities and upheavals that are occurred in their social environment. In this instance, the folklore studied is able to describe the view and attitude of the social group as well as to understand the phenomenon in the society. Furthermore through children folklore the life of traditional society that comprise of their socio-cultural and the belief system could also be discovered. The various meanings behind the folklore studied reflect the thinking of the traditional society. As such research on children folklore could display the phenomenon in the traditional society as well as to illustrate the Malay personality and intelligence.*

**Keywords:** children folklore, social phenomenon, tradition

## **Pengenalan**

Kesusasteraan pada umumnya, bukan sekadar sebuah hasil penulisan yang kosong, atau yang sengaja di reka-reka sahaja. Nilai yang terkandung dalam kesusasteraan sangat kaya. Sama ada nilai pendidikan, pengajaran, nasihat dan sebagainya yang mana ia secara tidak langsung dapat mendidik dan memberi panduan kepada pembaca ke arah berperwatakan dan berperilaku yang lebih baik. Elemen masyarakat dan kemasyarakatan telah banyak diungkapkan dalam penulisan sesuatu bahan kesusasteraan sama ada puisi maupun prosa. Kesusasteraan juga merupakan satu hasil seni bahasa yang menggabungkan aspek pemikiran dan juga kemasyarakatan. Ia juga menggabungkan pelbagai fenomena kehidupan berdasarkan sensitiviti dan kreativiti penulisnya. Pelbagai gambaran fenomena sosial yang terungkap dalam cerita rakyat.

Hal ini sejajar dengan pendapat Mohd Kasim Ismail (2002: 171) yang mengatakan bahawa kesusasteraan adalah manifestasi segala perkembangan dan kemajuan pemikiran. Beliau juga ada menyatakan bahawa hakikat atau inti sari kesusasteraan adalah fenomena kehidupan yang berkait dengan manusia, haiwan, makhluk ghaib, malah dalam penghasilan karya-karya mutakhir baik dalam bentuk buku cerita ataupun filem, robot juga dijadikan sebagai pelaku. Oleh

yang demikian, karya kesusasteraan bukan sahaja memaparkan dunia realiti kehidupan tetapi juga dunia fantasi dan imaginasi pengarangnya. Berdasarkan pendapat tokoh di atas, didapati bahawa karya sastera baik dalam bentuk cerita mahupun bentuk bukan cerita memaparkan tentang fenomena kehidupan manusia.

Dengan kata lain, kesusasteraan adalah manifestasi segala perkembangan dan kemajuan pemikiran, perasaan, dan kreativiti insan seni (seniman) yang sekali gus mencerminkan kemajuan peradaban sesuatu bangsa atau masyarakat, sama ada yang berlaku dalam kehidupan silam mahupun dalam dunia moden hari ini (Mohd Kassim Ismail, 2000: 170-171).

Kesusasteraan rakyat mahupun cerita rakyat, turut terkandung tentang fenomena sosial yang digarapkan dalam sesebuah cerita. Fenomena sosial umumnya, dapat membawakan maksud pemaparan, penelitian kenyataan dan juga tentang kejadian yang diperhatikan dan terjadi dalam persekitaran masyarakat tradisi yang mana disampaikan dalam bentuk cerita terutamanya dalam cerita-cerita rakyat. Justeru, fenomena sosial di sini dapat diperjelas lagi dengan maksud bahawa segala pengalaman dan juga peristiwa yang berlaku dalam konteks persekitaran mereka diolah dan juga diaplikasikan dalam bentuk cerita agar segala amanat dan juga pengalaman dapat dikongsi bersama oleh pembaca.

Karya kesusasteraan juga merangkumi segala macam bentuk pemikiran yang ingin diketengahkan, sama ada sebagai nilai pendidikan, amanat, mesej, tauladan dan sebagainya. Karya kesusasteraan juga mempunyai unsur-unsur yang membentuk sesebuah teks agar dapat mencapai isi cerita yang ingin diketengahkan agar dapat memberi gambaran yang terperinci berkaitan aspek-aspek yang ingin di tonjolkan. Supardi Djoko Damono (1978) mengatakan bahawa karya sastera harus difahami sebagai satu keseluruhan yang bermakna kerana unsur-unsur yang membentuk sesebuah teks itu mengandungi erti yang memberi gambaran lengkap tentang kemanusiaan dan kemasyarakatan (Jumali Hj Selamat, 2001: 18).

Selain gambaran tentang kemanusiaan dan juga kemasyarakatan, kesusasteraan juga berperanan sebagai pemancar sumber maklumat, pendidikan, amanat, pemaparan unsur-unsur sosial masyarakat, budaya, sebagai alat protes sosial dan sebagainya. Dalam hal ini kesusasteraan berperanan sebagai cerminan sosial. Pihak penajah telah lama mengetahui bahawa sastera rakyat boleh dianggap sebagai cermin masyarakat yang memancarkan pelbagai sumber maklumat bukan sahaja tentang sistem sosial dan budaya semasa tetapi juga tentang sejarah dan asal usul masyarakatnya. Oleh sebab itulah ahli-

ahli antropologi sendiri lebih selesa menggunakan konsep tradisi rakyat apabila mencirikan masyarakat yang hendak dikaji (Norazit Selat, 1997:1).

Konsep tradisi rakyat juga berkaitan dengan tradisi lisan. sebelum hadirnya tradisi tulisan, tradisi rakyat lebih dahulu hadir berbanding tradisi tulisan seperti mana yang ada sekarang. Masyarakat tradisional zaman dahulu menggunakan tradisi atau sastera lisan demi untuk menyampaikan sesuatu, sebagai alat protes sosial, atau sebagai alat untuk menyampaikan sesuatu amanat, tauladan. Hal ini sejajar dengan pendapat sarjana yang mengatakan bahawa tradisi lisan berfungsi dan berperanan sebagai sistem perhubungan dan sistem komunikasi antara masyarakat. Tradisi lisan berfungsi sebagai sistem menyatakan pelbagai keinginan bawah sedar, angan-angan terpendam, sebagai pengesahan kebudayaan, sebagai alat pemaksa berlakunya norma-norma sosial dan alat pengendali sosial yang dibenarkan oleh masyarakat (Siti Asiah Mat Ali, 1997: 2). Tradisi atau sastera lisan juga berperanan sebagai alat pengawal norma-norma dalam masyarakat di samping bertujuan sebagai hiburan, pengisi masa lapang. Justeru, dapatlah dijelaskan di sini bahawa tradisi lisan atau sastera lisan mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat tradisi.

Selain itu, kesusasteraan juga berperanan sebagai alat perakam sosial, iaitu alat untuk merakam segala apa yang berlaku dalam masyarakat, sama ada tentang kebaikan, keburukan mahupun tentang keadilan. Justeru, tidak hairanlah segala yang berlaku dalam lingkungan masyarakat dirakam dan dipaparkan melalui medium kesusasteraan. Kesusasteraan juga adalah sebagai alat perakam sosial. Hal ini selari dengan pendapat Muhammad Haji Salleh, 2002: 44-46) yang mengatakan bahawa kesusasteraan adalah perakam ilmu sesuatu bangsa. Peradaban bangsa Melayu banyak bergantung pada sumber kesusasteraan ini dan serta mampu melakukan perbandingan, mencari akar budi dan jati diri dan mengenali masyarakat Melayu silam terungkap dalam banyak sumber kesusasteraan. Tanpa sastera, sebahagian besar daripada ilmu bangsa Melayu tidak akan sampai kepada masyarakat hari ini, atau kepada puluhan generasi sebelum ini yang memerlukannya.

## **Analisis**

Apabila membicarakan tentang kesusasteraan, secara tidak langsung turut memaparkan tentang fenomena yang berlaku dalam kehidupan

manusia, masyarakat atau sosial. Tidak ketinggalan juga dengan cerita rakyat kanak-kanak. Hal ini adalah sejajar dengan pendapat yang mengatakan bahawa kesusasteraan adalah sebagai alat perakam sosial, iaitu merakamkan setiap apa yang berlaku dalam masyarakat melalui medium kesusasteraan. Umumnya, cerita rakyat kanak-kanak banyak mengungkapkan tentang fenomena-fenomena yang berlaku dalam masyarakat. Dalam pembicaraan ini, tumpuan akan diberikan kepada beberapa cerita rakyat Malaysia yang bersesuaian dengan kanak-kanak demi mencari dan meneliti fenomena yang digarapkan oleh masyarakat terdahulu dalam cerita rakyat tersebut. Cerita rakyat yang dahulunya disampaikan dalam bentuk lisan, namun kini ia banyak dijadikan dalam bentuk tulisan dan juga dibukukan demi mengekalkan nilai dan tradisional dan juga demi mengekalkan khazanah atau martabat sesuatu bangsa itu. Cerita-cerita rakyat yang diungkapkan pada suatu waktu dahulu banyak menyelitkan pelbagai pengajaran, teladan dan juga nasihat yang berguna kepada pembaca dan juga pendengar.

Dalam hal ini, beberapa eleman dikenal pasti untuk dijadikan batas kajian dalam mengenal pasti dan menyelidiki tentang fenomena sosial yang terkandung dalam sesebuah cerita rakyat. Antara fenomena yang digarapkan oleh masyarakat melalui cerita rakyat dalam kajian ini ialah tentang nilai kemanusiaan masyarakat tradisional, sistem kepercayaan masyarakat tradisional dan juga tentang sistem pemerintahan masyarakat tradisional.

## **Nilai kemanusiaan masyarakat tradisional**

Perhubungan antara manusia sesama sendiri berasaskan kepada hidup berkelompok yang saling memerlukan. Apabila membicarakan tentang kemanusiaan, secara tidak langsung ia juga akan membicarakan tentang manusia, sama ada secara individu mahupun secara kelompok. Dalam hal ini, manusialah yang di-anugerahkan oleh Allah SWT dengan sifat-sifat kemanusiaan, lantaran manusia mempunyai akal budi dan fikiran serta dapat membezakan antara unsur-unsur yang baik dengan yang kurang baik. Apabila membicarakan tentang kemanusiaan, secara tidak langsung akan membicarakan tentang aksi dan reaksi yang bersangkutan dengan seluruh perlakuan dan perwatakan seseorang watak yang ditampilkan dalam sesebuah karya kreatif dan imaginatif itu.

Melalui cerita *Peniup Seruling* iaitu sebuah cerita rakyat dari Pulau Pinang, dapat dilihat tentang perlunya hubungan nilai kemanusiaan

dikekalkan dalam kehidupan. Cerita ini mengisahkan tentang seorang pemuda yang tinggal di hujung kampung yang baru sahaja kehilangan isterinya. Aman menghiburkan hatinya dengan meniup seruling. Namun tindakan Aman meniup seruling itu mendapat tentang daripada seorang orang kaya iaitu Orang Kaya Mamat. Orang Kaya Mamat tidak menyukai Aman kerana anak gadisnya jatuh sakit kerana terdengar Aman meniup seruling itu. Ekoran daripada kejadian tersebut, Aman dihalau keluar oleh orang kaya itu tanpa sempat diberikan kesempatan kepada Aman untuk membela diri. Walaupun Aman telah banyak berbuat jasa kepadanya dengan mengerjakan sawahnya, namun Aman tetap jua dihalau. Hal ini dapat dilihat dalam petikan: “Aman berasa kesal. Namun dia tidak dapat berbuat apa-apa untuk membuktikan dia tidak bersalah. Selepas subuh esoknya dia berangkat meninggalkan kampung itu. Orang Kaya Mamat berharap anak gadisnya akan cepat sembah selepas Aman meninggalkan kampung itu... Orang Kaya Mamat amat menyesal atas tindakannya terhadap Aman. Dia insaf. Pada masa hadapan dia tidak akan membuat keputusan dengan terburu-buru (hlmn. 19)”.

Berdasarkan kepada cerita tersebut, nilai kemanusiaan yang terkandung dalam cerita ini amat tersirat bentuknya. Walaupun nilai kemanusiaan ini disampaikan secara tersirat, namun pembaca terutama kanak-kanak akan dapat mengesan pentingnya nilai kemanusiaan sesama manusia. Dalam cerita ini melalui watak Orang Kaya Mamat yang langsung tidak memberi peluang kepada Aman untuk membela diri. Nilai kemanusiaan yang terkandung dalam cerita tersebut secara tidak langsung dapat mendidik kanak-kanak agar tidak bersikap seperti watak Orang Kaya Mamat dengan melakukan tindakan yang terburu-buru dalam membuat sesuatu tindakan. Dengan tindakan yang terburu-buru tanpa memikirkan perasaan dan soal hati orang lain akan membawa penyesalan. Kanak-kanak seharusnya dididik dengan penuh nilai kemanusiaan yang baik agar mereka dapat mengaplikasikannya dalam meneruskan kelangsungan hidup mereka.

Nilai kemanusiaan juga mempunyai perkaitan dengan hati dan juga nurani manusia. Ia melibatkan jiwa manusia sama ada untuk melakukan kebaikan maupun melakukan kejahanatan dan keburukan. Mahmood Nazar Mohamed (2001:31) ada mengetengahkan bahawa dari segi rohani, hati merupakan satu gejala yang lembut dan halus (latifah) yang menentukan hakikat kemanusiaan.

Berdasarkan cerita tersebut, pengkaji melihat tentang penerapan nilai kemanusiaan dalam cerita rakyat kanak-kanak. Hal ini dapat membuktikan bahawa fenomena sosial terungkap dalam cerita rakyat.

Penerapan nilai kemanusiaan yang digarapkan oleh masyarakat di sini secara tidak langsung dapat mendidik kanak-kanak agar lebih berperikemanusiaan dalam menjalani kehidupan sehari-hari mereka. Kanak-kanak juga dapat didik agar tidak melakukan perbuatan sepertimana watak Orang Kaya Mamat yang menuduh dan membuat keputusan tanpa berfikir panjang, dan akhirnya menyesali di atas setiap keputusan dan tindakan yang telah dibuat.

Selain dari itu juga, dapat dilihat tentang perlunya nilai kemanusiaan masyarakat antara manusia dengan haiwan. Melalui cerita *Anak Angkat Harimau* sebuah cerita rakyat dari Negeri Sembilan, dapat dilihat tentang nilai kemanusiaan antara manusia dengan haiwan. Sepasang suami isteri petani yang sukakan binatang. Mereka memelihara binatang di dalam rumahnya. Antara binatang yang dipelihara oleh kedua suami isteri itu ialah harimau, burung, kera dan kucing. Antara haiwan yang menjadi kesayangan mereka ialah harimau. Harimaulah juga yang mengambil tugas menjaga anak pasangan suami isteri itu tatkala mereka ke kebun untuk bercucuk tanam. Binatang itu baik belaka. Tidak ada yang membuang najis di dalam rumah. Kera bebas berkawan dengan kucing. Burung tidak di dalam sangkar. Harimau boleh keluar masuk rumah (Hlm. 241).

Berdasarkan kepada petikan cerita di atas, didapati bahawa sepasang suami isteri itu sangat suka memelihara binatang. Mereka meletakkan binatang yang dipeliharanya di dalam rumah sendiri. Di sini dapat dilihat cerita ini membawakan fenomena nilai kemanusiaan antara manusia dengan haiwan. Melalui cerita tersebut juga, dapat membawakan kepada pembaca terutamanya kepada pembaca kanak-kanak bahawa perlunya hubungan nilai-nilai kemanusiaan antara manusia dengan binatang. Masyarakat tradisional pada suatu waktu dahulu memelihara binatang berdasarkan tujuan tersendiri. Antaranya membantu bercucuk tanam, menjaga rumah dan sebagainya.

## **Sistem kepercayaan masyarakat tradisional**

Pengaruh kepercayaan terhadap kesusasteraan amat besar. Menurut Ali Ahmad, sekiranya diterima bahawa kesusasteraan itu merupakan penceran daripada apa yang masyarakat fikirkan, percayai dan harapkan, maka pastilah apa yang terpancarkan daripada karangan yang indah itu adalah hal-hal yang berkaitan dengan kepercayaan

atau agama. Kesusasteraan kerap memancarkan tentang fikiran kepercayaan dan keagamaan. Kesusasteraan juga turut dijadikan alat untuk mengukuhkan doktrin atau kepercayaan agama (1995: 31).

Sistem kepercayaan masyarakat tradisional bukan sekadar mengenai sistem kepercayaan terhadap perihal keagamaan, namun sistem kepercayaan juga melibatkan kepercayaan kepada asal usul. Sistem kepercayaan terhadap asal usul sesuatu tidak dimuatkan secara langsung, namun ia juga amat mempengaruhi masyarakat tradisional pada waktu itu. Sistem kepercayaan masyarakat terhadap asal usul ini turut dimuatkan oleh Harun Mat Piah (1995: 87).

Padi merupakan sebuah hasil yang mendasari kehidupan seseorang petani. Dalam cerita rakyat, turut digambarkan tentang pentingnya penanaman padi dalam kehidupan masyarakat, sama ada sebagai sumber ekonomi, mahupun untuk meneruskan kelangsungan hidup. Padi juga turut mempunyai semangatnya yang tersendiri. Dalam cerita Semangat Padi dari Kelantan, mengisahkan tentang adat dan kepercayaan tentang semangat padi akan hilang atau lopus jika membuat bising ketika padi diangkat ke dalam rumah untuk di simpan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan; “Padi yang telah di tuai akan dibawa ke rumah simpanan. Padi itu disimpan pada waktu maghrib. Ketika padi dibawa masuk, semua orang di rumah itu tidak boleh berbuat bising. Jikalau sesiapa berbuat bising semangat padi akan hilang (Hlm. 187)”.

Berdasarkan kepada petikan cerita ‘Semangat Padi’ tersebut, didapati masyarakat percaya bahawa semangat padi harus dijaga agar padi yang akan dihasilkan kelak akan membawa hasil yang banyak. Justeru, masyarakat petani zaman tradisional amat menitik beratkan tentang peraturan dan juga pantang larang yang telah mereka pegang. Dapat dilihat pada cerita tersebut bahawa segala hasil padi yang didapati daripada tanaman seorang pemuda yang hanya menanam padi di lopak-lopak air takungan tapak lembu dijaga dan disimpan dengan penuh pantang larang agar dapat mengekalkan semangat padi tersebut. Dalam hal ini, fenomena yang diungkapkan oleh masyarakat tradisional tentang betapa pentingnya ‘padi’ kepada masyarakat ketika itu sehingga dijaga dengan penuh cermat. Pemaparan tentang sistem kepercayaan ini juga dapat mendedahkan kepada masyarakat pembaca terutamanya kanak-kanak pada zaman teknologi kini tentang pentingnya unsur ‘padi’ sebagai sumber pendapatan masyarakat suatu waktu dahulu.

Selain dari itu juga, melalui cerita *Padi dan Rumput Lalang* yang berasal dari negeri Sabah dapat membawakan kepercayaan masyarakat

tradisional suku Kadazan melalui kepercayaan unsur animisme. Kepercayaan animisme merupakan satu bentuk kepercayaan paling awal sebelum kehadiran agama lain. Kepercayaan ini berhubung dengan alam semula jadi. Masyarakat suku Kaum Kadazan di Sabah percaya bahawa semua benda di dalam dunia ini mempunyai roh atau semangat yang mempengaruhi kehidupan manusia sama ada baik atau buruk. Cerita ini mengisahkan tentang lalang dan juga semangat padi. Pada masyarakat tradisional suku Kadazan, pada suatu ketika dahulu lalang juga boleh dijadikan makanan dan juga padi dipercayai tidak berkulit. Namun, ekoran daripada sikap yang tidak bertanggungjawab sesetengah pihak, terus memetik padi yang belum masak, dan merebus lalang dengan membuka penutup belanga membuatkan lalang tidak boleh dimakan dan juga padi mempunyai kulit. Hal ini dapat dilihat dalam petikan: “Perbuatan mereka itu, membuatkan semangat padi amat marah. Semangat padi menutup padi itu dengan kulit supaya manusia tidak dapat terus memakannya...Dia membuka penutup belanga. Apabila mendengar bunyi tapak kaki ibu mentuanya, dengan segera dia menutup belanga itu” (Hlm. 179).

Berdasarkan kepada petikan cerita rakyat yang berasal dari suku kaum Kadazan tersebut, didapati masyarakat Melayu tradisional amat mementingkan sistem kepercayaan terhadap sesuatu perkara. Mereka percaya bahawa semua benda dalam dunia mempunyai roh dan semangat yang mendatangkan kebaikan dan juga keburukan. Justeru, segala pantang larang dan kepercayaan harus ditaati dan dipatuhi oleh masyarakat yang mendasarinya. Bagi masyarakat Kaum Kadazan, roh atau semangat ini perlu dijaga agar membawa kebaikan dan menambahkan rezeki. Kehilangan ini mempengaruhi kehidupan mereka, sama ada dari segi punca pendapatan mahupun sebaliknya. Di sini dapat dilihat tentang perlunya seseorang mematuhi segala pantang dan undang-undang, yang mempunyai hubungan dengan kepercayaan itu agar semangat sesuatu benda itu terpelihara. Dalam hal ini, hubungan kait antara cerita dengan pembaca, terutamanya pembaca atau audiens kanak-kanak dalam perlunya mematuhi pantang larang, prinsip, adat istiadat yang diwarisi oleh masyarakat tradisi agar semangat sesuatu benda itu terpelihara. Lantaran itu, Jas Laile Suzana Jaafar (2000: 184) mengatakan bahawa kanak-kanak akan mula akur pada norma yang dipegang oleh majoriti pada tahap-tahap umur tertentu. Mereka sama ada cuba mengekalkan peraturan atau sesuatu norma mahupun menyumbang kepada sesuatu norma itu.

## Sistem kepimpinan masyarakat tradisional

Sistem kepimpinan masyarakat Melayu tradisi dahulu bermula dari Raja sehingga ke peringkat pembesar serta pegawai istana. Seorang raja dilihat sebagai menjalankan kuasa kerajaan, mengurus hubungan luar dan mendukung serta melambangkan perpaduan negeri (Mustafa Mohd. Isa, 1994:118). Menurut beliau, tugas seseorang pemimpin terutamanya seorang raja ketara apabila berlaku peperangan kerana raja sendiri terpaksa memimpin tenteranya berjuang di barisan hadapan. Sistem kepimpinan bukan sahaja meliputi tentang kepimpinan raja sahaja, malahan ia juga meliputi tentang aspek kepimpinan pembesar, pemimpin keluarga, pemimpin komuniti, kepimpinan diri sendiri atau sebaliknya. Seseorang pemimpin yang baik seharusnya mempunyai sikap memimpin, sikap bertanggungjawab dan boleh memujuk dan menyampaikan sesuatu secara bijaksana dan juga berhemah. Dalam hal ini, kepimpinan menurut Jumali Hj Selamat (2001: 160) ialah kebolehan mengajak atau memujuk orang lain secara bijaksana dan berhemah, menyatupadukan ahli dalam kumpulan, memotivasi, merangsang serta menggerakkan masyarakat untuk mencapai matlamat sesebuah organisasi.

Berdasarkan kepada cerita *Mutiara Tujuh Lautan*, sistem kepimpinan yang dapat ditemui dalam cerita ini ialah tentang kepimpinan seorang raja yang mengambil berat akan perihal anggota masyarakat dan rakyat di bawah jajahan takluknya. Cerita ini berasal dari negeri Pulau Pinang. Dalam hal ini, tugas dan peranan raja adalah dengan memakmurkan Negara dan memastikan Negara atau jajahan takluknya berada dalam keadaan aman dan makmur. Cerita ini membawakan seorang raja yang amat mengambil berat akan rakyatnya. Walaupun baginda seorang raja, namun demi tidak membebankan rakyatnya yang sudah mengalami kemiskinan dengan permintaan raja negeri Atas Angin yang mahukan segantang mutiara, raja akhirnya menyamar dan membantu rakyatnya dalam membuat kerja seperti mengail, bercucuk tanam, dan sebagainya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah.

Raja negeri itu sangat berdukacita. Apalagi baginda melihat penduduk di negerinya sudah jatuh miskin dan tidak berharta.

...  
Akhirnya baginda menyamar menjadi nelayan dan petani. Baginda membantu rakyatnya membuat kerja.

Segala masalah selesai dengan mudah kerana baginda sendiri yang mengambil tahu tentang rakyat (Hlm. 236-237).

Berdasarkan kepada petikan cerita tersebut didapati bahawa raja memainkan peranan penting dalam sesebuah pentadbirannya. Raja sanggup membantu penduduknya membuat kerja. Di sini dapat dilihat tentang kepimpinan raja yang baik, dan mengambil berat akan kesusahan dan penderitaan yang dialami oleh rakyatnya. Pemimpin yang bersikap jujur, amanah, adil dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang baik akan diterima oleh masyarakatnya, tetapi jika bersikap sebaliknya kemungkinan akan ditolak oleh kumpulan atau kelompoknya. Dalam hal ini, fenomena sosial yang ingin digarapkan oleh masyarakat kepada pembaca terutamanya kanak-kanak adalah tentang kedaulatan raja dan juga tugas raja sebagai seorang pemimpin. Raja turut memainkan peranan yang penting dalam sesebuah pemerintahan mahupun pentadbiran sesebuah negeri. Selain dari itu juga, melalui cerita tersebut, kanak-kanak akan mendapat mengetahui bahawa raja merupakan tonggak kedaulatan dalam sesebuah negara. Kemakmuran dan kedaulatan sesebuah negeri bergantung kepada sistem pentadbiran dan pemerintahan yang adil.

Selain dari kepimpinan raja, aspek kepimpinan keluarga turut di temui dalam cerita-cerita rakyat. Kepimpinan keluarga merupakan satu bentuk kepimpinan tradisi dalam sesebuah masyarakat. Menurut A.Wahab Ali (1989: 41) dalam Jumali Selamat (2001: 161) pemimpin keluarga ialah satu bentuk kepimpinan yang bermula dalam masyarakat tradisional. Sungguhpun pemimpin keluarga itu satu bentuk pimpinan dalam masyarakat tradisi tetapi tidak bererti cara dan gaya pimpinannya semestinya mengikut tradisi. Ini bergantung kepada sikap dan latar belakang pemimpin keluarga itu sendiri.

Berdasarkan kepada cerita Awang yang Lurus yang berasal dari negeri Perlis, menceritakan tentang tanggungjawab pemimpin keluarga seorang ayah dalam mengajar dan membentuk anaknya menjadi seorang yang bersopan santun dan berbudi bahasa. Walaupun cerita Awang yang Lurus pada akhirnya merugikan ayahnya sendiri, namun dari sudut lain, ia menggambarkan tentang perilaku yang diajar oleh ayahnya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan; “Ayahnya memberitahu pada waktu lain, Awang hendaklah berjalan dan memberi salam. Kemudian naik ke rumah, berjabat tangan dan baharulah berbisik ke telinganya” (Hlm. 5).

Berdasarkan kepada petikan cerita *Awang Yang Lurus* di atas, dapat dilihat ayah Awang telah mengajarkan Awang bagaimana cara

untuk memberitahu sesuatu perkara, dengan tidak terpekik melolong seperti yang dilakukan oleh Awang sebelum ini. Adab dan tertib ketika memberitahu sesuatu telah disalah ertikan oleh Awang yang tidak kena bertempat sehingga akhirnya mengakibatkan rumah mereka hangus terbakar. Awang tidak bertindak bijak mengikut keadaan apabila dengan perlahan-lahan memberitahu ayahnya bahawa rumah mereka telah terbakar sehingga Awang dihalau keluar oleh ayahnya. Dalam hal ini, kanak-kanak akan dapat berfikir dan mengasah bakat kognitifnya tentang kisah Awang yang terlalu lurus. Kanak-kanak akan dapat memikirkan kesesuaian tindakan yang di ambil oleh mereka.

Dalam membicarakan tentang kepimpinan keluarga, ada sesetengah kepimpinan keluarga yang bertanggungjawab dan ada juga yang tidak bertanggungjawab. Dalam meneliti hal kehidupan yang serba mencabar, tidak ketinggalan juga terdapat pemimpin keluarga yang tidak bertanggungjawab, seperti penderaan, sumbang mahram dan sebagainya. Pengungkapan kepimpinan keluarga yang tidak bertanggungjawab turut tergambar sebagai sindiran atau renungan kepada masyarakatnya.

Seperti melalui cerita *Awang Beremak Tiri* dari negeri Terengganu, menceritakan kisah Awang yang selalui didera oleh ibu tirinya ketika ayahnya keluar mencari rezeki buat mereka sekeluarga. Awang Merah merupakan seorang budak yang buta. Dia kehilangan ibunya sejak kecil yang dimakan buaya. Tugas sebagai pemimpin keluarga telah diserahkan oleh Pak Merah kepada ibu tirinya, namun ibu tirinya sering mendera Awang Merah. Hal ini dapat dilihat dalam petikan: “Pak Merah memanjat pokok didapur. Dia lihat isterinya itu pergi mengambil ikan sepat hidup lalu dihidangkan kepada Awang Merah. Kemudian isterinya itu memukul anaknya itu” (Hlm. 87).

Berdasarkan kepada petikan cerita tersebut, didapati bahawa ibu tiri Awang Merah seorang yang tidak bertanggungjawab. Dia telah mendera Awang sementelah Pak Merah keluar. Namun akhirnya segala perbuatan ibu tirinya itu telah diketahui oleh Pak Merah lalu Pak Merah mengambil keputusan untuk meninggalkan ibu tiri Awang Merah itu. Secara tidak langsung juga, cerita ini turut membawakan pengertian dan cerita bahawa Pak Merah telah menjalankan sistem kepimpinan keluarga yang baik dengan bersembunyi dengan memanjat pokok untuk melihat sendiri apa yang dilakukan oleh isteri barunya kepada Awang Merah. Apa yang dilakukan oleh Pak Merah telah menepati tentang kepimpinan keluarga yang baik. Selain dari itu, kepimpinan keluarga yang bertanggungjawab ialah pemimpin yang mementingkan kebijakan keluarga seperti memberi nafkah

makanan, menyediakan pendidikan, memberi pendidikan, memberi kasih sayang dan sebagainya. Kanak-kanak memerlukan penjagaan dan juga jaminan keselamatan yang kukuh. Dalam hal ini, Faridah Taib dan Zuraiddah Ali (1995b:2) dalam Jumali Selamat (2001:164) turut menjelaskan pemimpin keluarga yang bertanggungjawab ialah pemimpin yang menjalankan peranannya terhadap keluarga dan menentukan ahli keluarganya mendapat perlindungan serta jagaan yang baik dan sempurna. Fenomena sosial yang terkandung dalam cerita tersebut dapat menggambarkan bahawa pemimpin keluarga yang bertanggungjawab seperti mendidik anak-anak dengan penuh kasih sayang dan ketegasan ialah dengan memberi bimbingan, nasihat dan peringatan secara lembut tetapi tegas, bukannya dengan mendera sepertimana ibu tiri Awang Merah. Ini sesuai dengan pendapat Ibrahim Mamat (1997: 126) dalam Jumali Selamat, 2001:164) yang mengatakan untuk mendidik anak-anak selain kasih sayang dan ketegasan ialah dengan memberi bimbingan, nasihat dan peringatan secara lemah lembut, pengajaran yang berhikmah serta bijaksana dalam menilai tuntutan.

## Kesimpulan

Fenomena sosial merupakan sebuah kenyataan dan juga kejadian yang dapat diperhatikan dalam sesebuah masyarakat. Fenomena sosial juga sering terungkap dalam cerita-cerita rakyat yang terkandung pelbagai kejadian dan juga kenyataan yang ingin diungkapkan oleh masyarakat kepada pembaca khasnya. Berdasarkan kajian, didapati terdapat pelbagai amanat dan juga pedoman dari masyarakat kepada masyarakat yang diungkapkan dalam bentuk cerita. Fenomena sosial melibatkan fenomena masyarakat dari segi sistem pemerintahan, sistem kepimpinan, sistem kepercayaan dan juga tentang nilai kemanusiaan yang terkandung dalam setiap cerita yang diketengahkan. Dalam hal ini juga, dapat dilihat tentang garapan yang digunakan oleh masyarakat dalam menyampaikan tentang fenomena sosial melalui cerita rakyat khususnya cerita rakyat kanak-kanak. Cerita rakyat kanak-kanak menumpukan kepada aspek penceritaan yang mudah dan sesuai dengan kanak-kanak. Fenomena sosial yang diungkapkan oleh masyarakat tradisional juga dapat membawakan maksud yang penting dan bermakna kepada kanak-kanak. Kanak-kanak secara tidak langsung akan beroleh pedoman dan panduan kepada mereka dalam meneruskan kelangsungan hidup mereka yang serba mencabar kini.

Selain dari itu juga, peranan sosial dalam cerita rakyat dapat difahami oleh kanak-kanak amnya. Terdapat banyak unsur-unsur positif dan negatif dipaparkan dalam cerita rakyat yang boleh dijadikan panduan dan sebagai sumber rujukan kepada kanak-kanak pembaca. Antara nilai yang terkandung melalui fenomena sosial dalam cerita rakyat adalah nilai berbudi, pengetahuan tentang adat, prinsip undang-undang, perbuatan baik dibalas dengan kebaikan dan sebaliknya. Penceritaan cerita rakyat secara tidak langsung dapat membawakan pelbagai bentuk fenomena sosial yang berguna kepada pembaca, terutamanya kanak-kanak.

## Rujukan

- Ali Ahmad. *Pengantar Pengajian Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (1995).
- Aminudin. *Pengantar Apresiasi Karya Sastera*. Bandung: CV Sinar Baru, (1987).
- Aripin Said. *Prosa Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (1996).
- Baharudin Zainal. *Mendekati Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (1986).
- Halimah Hassan. "Sastera Rakyat." *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Ed. Zalila Sharif, dan Jamilah Hj. Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (1993).
- Harun Jaafar. *Wacana Kesusasteraan Klasik*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, (2002).
- Jumali Hj. Selamat. *Cerminan Sosial dan Nilai-nilai Murni dalam Novel Remaja*. Tesis Ph.D. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Matlob. *Sastera Alam Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.
- Mustafa Mohd Isa. *Awang Belanga: Penglipur Lara dari Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (1987).
- Othman Puteh dan Aripin Said. (Peny.) *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Bhd., (2008).
- Zalila Sharif, dan Jamilah Hj. Ahmad. ed. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (1993).